

Lawatan duta-duta asing ke Labuan minggu ini ditangguh

LABUAN: Kementerian Luar melalui Perbadanan Labuan memaklumkan program lawatan Perwakilan Duta Asing ke Labuan pada Jumaat hingga Ahad ini ditangguhkan ke satu tarikh yang akan diumumkan kelak.

Keputusan itu diambil selepas Perbadanan Labuan mengambil maklum isu semasa berkaitan perkembangan terkini jangkitan Covid-19 yang semakin menular di seluruh dunia, khususnya di negara ini.

Lawatan Perwakilan Duta Asing ke Labuan melibatkan seramai 30 duta asing bersama pasangan, yang beribu pejabat di Kuala Lumpur serta diiringi pegawai dari Kementerian Luar.

Ia merupakan program tahunan Kementerian Luar kepada duta-duta asing dari 30 negara itu untuk

memperkenalkan tempat lain di negara ini selain Kuala Lumpur.

Bagi peringkat Labuan, perancangan bagi menyambut lawatan perwakilan duta asing itu melibatkan beberapa agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan, persatuan dan lain-lain individu berkaitan.

Kementerian Luar dan Perbadanan Labuan turut mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan sokongan yang diberikan semua pihak dalam menjayakan persiapan dan perancangan Program Familiarization Visit For Diplomatic Corp dan berharap kerjasama ini akan turut diberikan pada masa yang akan datang semasa program ini dilaksanakan kelak.

- Bernama